

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 05.08.2025 MASA: 8.30AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PERASMIAN TAKLIMAT PEMANTAPAN DAN
PEMERKASAAN PENGUATKUASA BERSAMA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**6 OGOS 2025 (RABU)
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM MBSP, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Perasmian Taklimat Pemantapan dan Pemerkasaan Penguatkuasa Bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) atas kesudian bekerjasama dengan pihak MBSP dalam penganjuran taklimat yang amat signifikan ini.
3. Tidak dilupakan, setulus terima kasih juga saya ucapkan kepada para penceramah serta semua peserta yang terdiri daripada anggota dan pegawai pelbagai jabatan di MBSP seperti Jabatan Direktorat Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan serta Jabatan Pematuhan Teknikal dan Dasar, atas kesudian meluangkan masa dan komitmen untuk menyertai program yang bertujuan memperkukuh jati diri serta profesionalisme dalam bidang penguatkuasaan ini.

4. Sesungguhnya, dunia hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, yang menuntut tahap kesiapsiagaan tinggi daripada setiap penjawat awam, khususnya mereka yang berada di barisan hadapan dalam bidang penguatkuasaan. Tanggungjawab mereka bukan lagi sekadar melaksanakan undang-undang, malah turut merangkumi peranan sebagai pemudah cara komuniti dan agen perubahan sosial demi menjamin keharmonian dan kesejahteraan bandar raya.
5. Justeru itu, penganjuran taklimat ini merupakan suatu inisiatif yang amat bertepatan dan strategik dalam memperkukuh keupayaan anggota penguatkuasa MBSP dengan memberi pendedahan terhadap isu-isu keselamatan semasa oleh PDRM; cabaran mengekalkan keharmonian dan perpaduan masyarakat oleh JPNIN serta cabaran berkaitan penguatkuasaan dalam era media sosial oleh SKMM. Perkongsian ilmu dan pengalaman daripada agensi-agensi ini bukan sahaja dapat memperluas perspektif peserta, malah mampu memperkasa mereka dalam menghadapi realiti semasa tugas penguatkuasaan yang semakin mencabar dan dinamik.
6. Taklimat ini dirancang dengan modul pembelajaran yang menumpukan kepada pemahaman isu-isu penguatkuasaan semasa, cabaran yang dihadapi oleh anggota di lapangan serta pendekatan penambahbaikan ke atas tindakan penguatkuasaan. Melalui pendedahan yang menyeluruh ini, para peserta bukan sahaja dapat

memperkukuh kefahaman terhadap landskap penguatkuasaan yang semakin mencabar, malah dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh secara langsung dalam melaksanakan tugas dengan lebih cekap, berhemah dan berlandaskan prinsip profesionalisme.

7. Dengan penyertaan seramai 170 orang peserta, saya yakin penganjuran taklimat ini akan memberikan impak yang signifikan, khususnya dalam aspek:
 - a) Meningkatkan pemahaman terhadap isu-isu kritikal dalam bidang penguatkuasaan;
 - b) Menyedari cabaran semasa yang semakin mencabar dan dinamik; serta
 - c) Melakar penambahbaikan terhadap pendekatan dan tindakan penguatkuasaan secara berhemah, efisien dan berintegriti.
8. Saya amat berharap agar segala ilmu yang diperoleh sepanjang taklimat ini dapat diaplikasikan secara tuntas dan berkesan dalam tugas harian, seterusnya memperkukuh kredibiliti serta imej pasukan penguatkuasa MBSP sebagai pasukan yang berwibawa, adil dan profesional.
9. Dalam mendepani landskap pengurusan bandar masa kini yang semakin kompleks, penguatkuasaan perlu dijalankan dengan pendekatan berasaskan data, teknologi serta disulami nilai-nilai

kemanusiaan agar tindakan yang diambil bukan sahaja berlandaskan peraturan tetapi juga mampu memupuk rasa hormat dan tanggungjawab bersama dalam komuniti.

10. Sesungguhnya, impian kita untuk melihat Seberang Perai muncul sebagai sebuah bandar raya yang bersih, selamat, sejahtera dan berdaya huni tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama erat serta komitmen berterusan daripada semua pihak, khususnya pasukan penguatkuasa. Dengan semangat kerja berpasukan, integriti yang teguh dan iltizam yang tinggi, saya percaya seluruh warga MBSP mampu memainkan peranan secara kolektif ke arah pembentukan persekitaran bandar yang lebih progresif dan harmoni.
11. Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada pihak urus setia atas penganjuran program ini dan mengucapkan selamat menjalani sesi taklimat kepada semua peserta.

Semoga usaha murni ini menjadi pemangkin kepada pembudayaan tadbir urus bandar yang berasaskan undang-undang, berteraskan integriti serta berpaksikan kesejahteraan rakyat.

12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Taklimat Pemantapan dan Pemerkasaan Penguatkuasa Bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai.**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***